

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

TARIKH : 18 JUN 2014

RUJUKAN : 6913

SOALAN:

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kamera litar tertutup (CCTV) yang telah dipasang mengikut kawasan IPD, jumlah kes jenayah sebelum dan selepas pemasangan CCTV dan sejauh mana CCTV membantu menyelesaikan kes ragut, pecah rumah, dadah dan lain-lain jenayah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak *National Key Result Area* (NKRA) dilaksanakan oleh pihak Kerajaan pada tahun 2009, di bawah inisiatif Bandar Selamat, sebagai langkah untuk mengurangkan jenayah, CCTV akan dipasang di kawasan-kawasan yang dikenalpasti menyumbang kadar jenayah yang tinggi di bandar-bandar utama di seluruh negara. Dalam fasa 1, sejumlah 496 CCTV telah dipasang di bandar-bandar utama iaitu Selangor (152 unit), Johor (88 unit), Pulau Pinang (48 unit), Perak (40 unit), Negeri Sembilan (48 unit), Kedah (48 unit), Melaka (24 Unit), Pahang (16 unit), Terengganu (16 unit), dan Kelantan (16 unit). Sebanyak 496 unit lagi akan dipasang dalam Fasa 2 meliputi negeri Sabah dan Sarawak dalam tempoh yang terdekat ini.

Pemasangan CCTV dilaksanakan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) manakala kawalan dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan Ibu Pejabat Polis Daerah berkenaan. Ketika ini CCTV yang dipasang hanya bertujuan membuat pemantauan di kawasan yang menjadi tumpuan ramai dan berisiko berlakunya jenayah.

Pihak polis tidak dapat memberikan data lengkap berkaitan keberkesanan secara menyeluruh dari segi kenaikan atau

penurunan jenayah di kawasan yang dilengkapi CCTV kerana masih lagi dalam proses merangka kaedah bagi pengumpulan maklumat. Kaedah yang digunapakai kini masih lagi secara manual dan belum lagi diintergrasikan dalam *Police Reporting System* (PRS), agak sukar untuk membuat analisa memandangkan jumlah CCTV yang dipasang melibatkan banyak tempat dan juga melibatkan banyak daerah polis. Seketika ini, pihak polis hanya boleh memberikan data bagi kawasan yang dimaksudkan jika nyatakan secara spesifik.